**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2017 / 2018**
**DI BAWAH KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

| | Tajuk | Fokus WPA 21 | | | Objektif & Sasaran / KPIs | Keterangan Ringkas | Cabaran & Tindakan Susulan | Pencapaian |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Dasar | Struktur Organisasi | Pelakuan Organisasi | | | | |
| **KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI** | | | | | | | | |
| **JABATAN PENGANGKUTAN DARAT** | | | | | | | | |
| 1 | Projek Menangani Isu Kenderaan Terbiar Seluruh Negara Ke Arah Kebersihan Alam Sekitar dan Pembatalan Kenderaan Berkenaan | ✓ | | | ● Kebersihan alam sekitar dan pembatalan pendaftaran kenderaan<br>● Menjaga keselamatan jalan raya<br>● Membuat tindakan susulan atas aduan-aduan dari orang awam samaada terul melalui urusetia atau talian 123 dan jabatan-jabatan kerajaan<br>● Mengatasi masalah halangan-halangan petak di tempat letak kereta<br>● Mengelakkan masalah gangguan lain kepada penduduk dan kebersihan kawasan - kawasan berkenaan. | ● Projek yang telah dilaratkan keseluruh negara adalah hasil dari perbincangan dan penelitian agensi-agensi berekenaan mengambilkira tindakan-tindakan yang telah dibuat sebelum unu dari setiap agensi yang terlibat dan aduan-aduan dari orang ramai mengenai kenderaan-kenderaan terbiar di kawasan-kawasan awam seperti di tepi jalan raya, kawasan letak kereta, bengkel-bengkel kenderaan seluruh negara dan mana-mana kawasan hasil aduan orang ramai.<br>● Ke arah menangani isu tersebut dan juga untuk memastikan tindakan-tindakan bersesuaian mengikut akta dan peraturan yang sediaada, satu jawatankuasa tindak (*taskforce* ) dinamakan Jawatankuasa "*Nationwide Environmental Clean-Up Project Abandoned Vehicles Leading to Deregisteration*" telah ditubuhkan. Agensi-agensi di bawah Jawatankuasa ini adalah Jabatan Pengangkutan Darat, Jabatan Daerah, Jabatan Bandaran, Jabatan Alam Sekitarm Taman dan Rekreasi, Pasukan Polis DiRaja Brunei dan Syarikat-Syarikat Pelupusan.<br>● Jawatankuasa ini mengambil tindakan yang bersesuaian berpandukan kepada bidang tugas dan kawal selia kawasan di bawah tadahan agensi-agensi berkenaan | **CABARAN**<br>● Terdapat sesetengah kenderaan lama telah dijual tanpa membuat penukaran milik<br>● Pengusaha-pengusaha bengkel kenderaan tidak dapat membebaskan kenderaan-kenderaan yang mempunyai tunggakan ke atas bayaran kerja-kerja baikpulih<br>● Pemilik asal kenderaan sudah pulang ke negara asal. Butiran kenderaan terbuar (nombor rangka kenderaan) tidak selaras dengan maklumat dalam Sistem Pengangkutan Darat (SPD)<br><br>**TINDAKAN SUSULAN**<br>● Mengumpul senarai kenderaan yang dikenalpasti untuk dibatalkan pendaftaran<br>● Menyediakan deraf borang permohonan untuk membatalkan pendaftaran kenderaan<br>● Menyediakan deraf dasar pembatalan pendaftaran kenderaan<br>● Kertas cadangan untuk mengadakan had umur kenderaan yang dibenarkan. | Jika kenderaan terbiar tidak dituntut dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh-tarikh kenderaan itu dijumpai ditinggalkan mengikut akta dan peraturaan yang sedia ada dimana kenderaan tersebut akan disita dan dilelong atau dilupuskan dan dibatakan pendaftarannya dari Sistem Pengangkutan Darat. |
| 2 | *Motor Claims Guideline* (MCG) | ✓ | | | ● Untuk mempercepatkan proses-proses meleraikan kejadian kemalangan di jalan raya serta tuntutan ganti rugi<br>● Untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas jalan raya yang disebabkan kemalangan di jalan raya yang secara tidak langsung menjejaskan produktiviti orang ramai dan negara<br>● Sebagai mendokong usaha-usaha ke arah *Ease of Doing Business* dengan mengurangkan kes-kes lalulintas jalan raya yang dibawa ke mahkamah dan seterusnya meningkatkan kapasiti mahkamah menyelesaikan kes-kes lain. | ● Hasil kerjasama Jabatan Pengangkutan Darat, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Persatuan Insurans dan Takaful Brunei (*Brunei Insurance Takaful Association*, BITA) telah menyediakan MCG berpandukan amalan-amalan terbaik antarabangsa khususnya Singapura dan Malaysia dan disesuaikan mengikut keperluan di Negara Brunei Darussalam<br>● MCG memberikan prosedur yang jelas kepada orang ramai mengenai apa yang patut dibuat termasuk pelaporan kemalangan kenderaan yang segera apabila terjadi suatu kemalangan ringan. | **CABARAN**<br>Orang ramai masih menghubungi pihak polis untuk meleraikan kejadian kemalangan ringan (yang tidak melibatkan kecederaan, kematian dan kerosakan harta benda kerajaan)<br><br>**TINDAKAN SUSULAN**<br>Agensi-agensi yang terlibat akan terus mengadakan program-program pemberigaan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman orang ramai mengenai perlaksanaan MCG. | |
| 3 | Pendaftaran dan Perlesenan Treler Perahu | ✓ | | | ● Perlaksanaan penuh pendaftaran dan perlesenan treler perahu yang dikawal selia berpandukan peruntukan yang terkandung di dalam Akta dan Peraturan Lalulintas Jalan Raya, Penggal 68<br>● Membantu Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) melalui JPD untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan Jalan raya di Negara ini. | ● Perlaksanaan penuh pendaftaran dan pelesenan treler perahu mengikut peruntukan yang terkandung di dalam Akta dan Peraturan Lalulintas Jalan Raya, Penggal 68<br>● Perlaksanaan penuh pendaftaran dan pelesenan treler perahu mengikut dua (02) kategori iaitu:<br>i) Treler perahu yang sedia ada; dan<br>ii) Treler perahu yang baru. | | |
| 4 | Muzakarah JPD bersama Pengusaha-Pengusaha Syarikat Pengangkutan | | | ✓ | ● Menerangkan siri operasi, dan rondaan serta sekatan yang dijalankan Bahagian Penguatkuasaan, JPD dan juga Pasukan Polis Diraja Brunei di jalan-jalan raya di Negara ini bagi memastikan keselamatan, kesejahteraan dan keselasaan orang ramai khususnya semua penggunaan jalan raya adalah terjaga<br>● Memperjelaskan lagi sekala Akta dan Peraturan Lalulntas Jalan Raya yang berkuatkuasa pada masa ini terutama denda kompaun dan mata demerit SikAP keatas mana-mana pemandu, serta penggantungan Lesen Sewa dan Upah Syarikat kenderaan pengangkutan yang terbabit | Jabatan Pengangkutan Darat telah mengadakan sesi muzakarah bersama dengan pengusaha-pengusaha syarikat-syarikat pengangkutan barangan dan penumpang susulan daripada beberapa operasi penguatkuasaan JPD di jalan-jalan dan lebuh raya di Negara in iterhadap kenderaan-kenderaan komersial dan kenderaan-kenderaan persendirian yang melakkukan pelbagai kesalahan di bawah aturan-aturan lalulintas Jalan Raya (Komposisi Kesalahan), 2016 dan berkaitan dengan Mata Demerit SiKAP. | | |

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | • Meningkatkan kefahaman dan kesedaran tentang pentingnya semua pengusaha syarikat pengangkutan agar mematuhi akta dan peraturan lalulintas Jalan Raya yang berkaitan dengan kederaan pengangkutan komersial dan penumpang. | | | |